

SALINAN TERKAWAL



**PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

Bahagian V1 : Lain – Lain Operasi Kebomgaan

No POS: 6.2

Subjek:

PASUKAN PENYELAM

**Bahagian Operasi Kebomgaan
Ibupejabat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
PUTRAJAYA**

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian VI : Lain-Lain Operasi Kecemasan	TERHAD
	No POS: 6.2
Subjek : PASUKAN PENYELAM	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: 10 Januari 2007	Muka Surat: 1/10

1. PENGENALAN

Peranan dan skop tugas Pasukan mencari dan menyelamat dalam air Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) semakin mencabar dan memerlukan pengurusan yang sistematik. Pegawai dan anggota bomba yang terlibat di dalam operasi sebegini terdedah kepada berbagai risiko yang boleh mengancam nyawa. "Risk Assessment" dan "Safe System of Work" perlu diberi keutamaan agar tatacara, peraturan dan prosedur yang seragam dipatuhi dan diikuti ketika menangani insiden.

2. MATLAMAT

Prosedur operasi seragam ini merangkumi tindakan pengurusan dan pengendalian operasi yang melibatkan menyelamat dalam air. Ia juga menggariskan pelan tindakan dan tatacara kerja yang perlu dipatuhi oleh semua didalam menangani operasi yang melibatkan pasukan menyelam.

3. TAFSIRAN

3.1. "Safety Officer"

Pegawai yang telah dilantik oleh Komander Operasi untuk menentukan keselamatan semua penyelam, peralatan dan persekitaran tempat operasi/kerja. Beliau boleh menasihati Komander Operasi untuk menghentikan operasi ataupun penyelam dari melakukan kerja – kerja mencari dan menyelamat.

3.2. Penyelam

Anggota yang lengkap dengan peralatan menyelam bagi menjalankan kerja – kerja penyelaman. Semua penyelam perlu memiliki sijil yang diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (LAJAB).

(Sila rujuk lampiran 1)

3.3. Ketua Pasukan Penyelam

Pegawai ataupun anggota paling kanan di kalangan penyelam, akan menjalankan tugas sebagai Ketua Pasukan Menyelam.

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian V1 : Lain-Lain Operasi Kecemasan	TERHAD
Subjek : PASUKAN PENYELAM	No POS: 6.2
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: 10 Januari 2007	Muka Surat: 2/10

3.4. **Penyelam Utama (*Primary Diver*)**

Penyelam pertama menjalankan kerja – kerja menyelam bersama – sama “*buddy*”.

3.5. **“Buddy”pasangan kepada penyelam**

Penyelam yang melakukan kerja – kerja atau tugas operasi, bersama penyelam utama.

3.6. **Tender**

Anggota yang menjalankan tugas mengawal pergerakan penyelam dari darat dan membantu “*Safety Officer*” dalam menentukan keselamatan penyelam sebelum menjalankan operasi. Terdapat 2 kategori tender iaitu Tender Utama dan Tender Back Up.

3.7. **Tender Utama (*Primary Tender*)**

Penyelam yang akan memeriksa secara fizikal dan visual segala peralatan menyelam yang digunakan oleh “*Primary Diver*” dan “*Buddy*” sebelum dibenarkan menjalankan operasi menyelam. Tender utama juga akan mengawal pergerakan penyelam dan buddy semasa di dasar.

3.8. **Tender Back up (*Back up Tender*)**

Penyelam yang akan merekodkan kerja – kerja menyelamat dan kronologi insiden. “*Tender Back Up*” juga akan mengawal penyelam “*Back Up*” dan “*buddy*” semasa menjalankan tugas kecemasan .

3.9. **Penyelam Back up (*Back up Diver*)**

Penyelam dalam tugas “*standby*” (bersiap sedia) memberi bantuan kepada penyelam lain apabila diperlukan / diarahkan.

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian V1 : Lain-Lain Operasi Kecemasan	TERHAD	
	Subjek : PASUKAN PENYELAM	
	No POS: 6.2	
	Tarikh Pindaan:	
Tarikh Terbitan: 10 Januari 2007	Muka Surat: 3/10	

3.10. Komander Operasi

Pegawai atau anggota terkanan dari segi pangkat yang akan mengetuai suatu operasi. Dalam ketidakhadiran ketua, pegawai atau anggota yang terkanan dari segi perkhidmatan hendaklah menjadi Komander Operasi.

3.11. "Tender Line"

Tali yang dipasang pada penyelam dan dikawal oleh tender. Tali adalah dari jenis nylon (synthetic polymers), ketebalan 3-4 mm dan 91 meter panjang.

(Sila rujuk lampiran 2)

3.12. "Branch Line"

Tali yang dipasang di antara penyelam dengan buddy. Tali adalah dari jenis nylon (synthetic polymers) ketebalan 3-4 mm dan 1- 2 meter panjang.

(Sila rujuk lampiran 2)

3.13. "Marker Buoy"

Pelampung penanda yang menandakan lokasi penyelam ataupun mangsa.

(Sila rujuk lampiran 2)

3.14. Bendera "Alpha" (Biru Putih)

Bendera keselamatan yang dipasang pada bot di lokasi operasi untuk memberi isyarat kepada bot dan kapal lain yang lalu di kawasan menyelam untuk memperlahankan boat / kapal dan berada jauh dari tempat operasi.

(Sila rujuk lampiran 2)

3.15. "Diver's – Down Flag (Merah Putih)

Bendera keselamatan yang di pasang di lokasi operasi mencari dan menyelamatkan dijalankan untuk menandakan penyelam sedang menjalankan kerja – kerja operasi menyelam di situ. (Sila rujuk lampiran 2)

3.16. Sauh ("Anchor")

Pemberat (jenis besi dan berat antara 12 hingga 15 kilogram) untuk mengikat bot.

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian V1 : Lain-Lain Operasi Kecemasan	TERHAD	
	No POS: 6.2	
Subjek : PASUKAN PENYELAM	Tarikh Pindaan:	
Tarikh Terbitan: 10 Januari 2007	Muka Surat: 4/10	

3.17. Pakaian Menyelam

Pakaian khas yang di reka untuk memberi perlindungan kepada penyelam dari bahaya kesejukan. Terdapat 2 jenis pakaian menyelam iaitu "*wet suit*" dan "*dry Suit*". Ketua Pasukan Penyelam akan menentukan jenis pakaian menyelam yang akan digunakan semasa menyelam.

3.18 "*Wet Suit*"

Pakaian menyelam yang diperbuat daripada "*foam neoprene*" dan dari jenis "*Tight – Fitting Permeable Suit*" yang digunakan untuk mengekalkan suhu badan penyelam semasa menjalankan kerja – kerja menyelam. Biasanya digunakan di tempat yang suhunya melebihi 15 centigrade.

3.19. "*Dry Suit*"

Pakaian menyelam yang diperbuat daripada "*foam neoprene*" akan digunakan ditempat yang mempunyai suhu air di antara -2 dan 15 centigrade. Pakaian ini akan memastikan penyelam sentiasa kering dengan ciri – ciri zip, "*neck seals*" dan "*wrist seals*" yang tidak membenarkan air masuk dalam pakaian penyelam.

4. BIDANG KUASA

4.1. Seksyen 19, Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

4.2. Pasukan Penyelam ini diletakkan terus di bawah perintah dan kawalan Pegawai Penjaga Balai di mana unit ini ditempatkan. Pegawai Penjaga Balai berkenaan hendaklah memastikan semua anggota unit ini mematuhi segala arahan yang termaktub dalam POS ini dan lain-lain arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Sebarang keraguan atau masalah dalam pengurusan unit ini hendaklah dirujuk kepada Penolong Pengarah Operasi Negeri. Jika timbul sesuatu isu yang tidak termasuk dalam dalam POS ini atau mana-mana arahan jabatan yang lain, Penolong Pengarah Operasi Negeri hendaklah merujuk kepada Pengarah Bomba Negeri untuk mendapatkan keputusan.

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian VI : Lain-Lain Operasi Kecemasan Subjek : PASUKAN PENYELAM	TERHAD	
	No POS: 6.2	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: 10 Januari 2007	Muka Surat: 5/10	

5. KOMPOSISI PASUKAN PENYELAM DAN PERALATAN

- 5.1. Komposisi Pasukan Penyelam adalah seramai 7 orang .
(Sila rujuk lampiran 3)
- 5.2. Pasukan Penyelam adalah bertanggungjawab membawa semua peralatan yang diperlukan untuk menjalankan tugas penyelaman mencari dan menyelamatkan dan memastikan semua peralatan dalam keadaan baik.
(Sila rujuk lampiran 4 dan 5)

6. TAHAP PENGURUSAN OPERASI

- 6.1. **Tahap 1**
Operasi yang boleh ditangani dalam masa kurang dari 4 jam (dari masa tiba ditempat kejadian) atau mangsa kurang dari 2 orang. Melibatkan satu Pasukan Penyelam sahaja.
- 6.2. **Tahap 2**
Operasi yang mengambil masa lebih dari 4 jam tetapi kurang dari 10 jam (dari masa tiba ditempat kejadian) atau mangsa kurang dari 4 orang. Melibatkan 2 Pasukan Penyelam.
- 6.3. **Tahap 3**
Operasi yang melibatkan lebih daripada 10 jam(dari masa tiba ditempat kejadian) atau mangsa lebih dari 4 orang. Melibatkan 3 atau lebih Pasukan Penyelam.

7. ARAHAN PENUGASAN

- 7.1. **AM**
 - 7.1.1. Komander Operasi atau Ketua Pasukan Penyelam perlu melaksanakan "size-up" di tempat kejadian dan mendapatkan maklumat seperti :

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian V1 : Lain-Lain Operasi Kecemasan Subjek : PASUKAN PENYELAM	TERHAD	
	No POS: 6.2	
	Tarikh Pindaan:	
Tarikh Terbitan:	10 Januari 2007	Muka Surat: 6/10

- 7.1.1.1. Menentukan tahap operasi dan memaklumkan kepada bilik awasan / kawalan dan memohon bantuan sekiranya perlu, pada bila – bila masa; **(sila rujuk lampiran 6)**
- 7.1.1.2. Lokasi kejadian(laut, sungai), keadaan air, kedalaman air tasik, sungai , lombong, kejernihan air, cuaca, bilangan dan keadaan mangsa, tandakan lokasi mangsa tenggelam dan lain – lain maklumat yang perlu;
- 7.1.1.3. Memastikan semua anggota penyelam sihat dari segi mental dan fizikal sahaja dibenarkan menyelam, berpandukan pengakuan sebelum menyelam.**(sila rujuk lampiran 7)**
- 7.1.1.4. Memastikan semua peralatan menyelam dalam keadaan baik dan berfungsi menggunakan Senarai Semak “*Safety Officer*” Pasukan Penyelam sebelum menjalankan aktiviti operasi penyelaman oleh “*Safety Officer*”.**(sila rujuk lampiran 8)**
- 7.1.1.5. Memberi taklimat mengenai tindakan / kerja-kerja operasi, “*safe system of work*” dan “*withdrawal signal*” kepada anggota penyelam sebelum turun menyelam;
- 7.1.1.6. Menyelia keseluruhan perjalanan operasi ditempat kejadian;
- 7.1.1.7. Memaklumkan situasi kejadian kepada pegawai bomba daerah dan Penolong Pengarah Operasi negeri;
- 7.1.1.8. Memberikan taklimat lengkap kepada pengganti, jika tahap operasi berubah;

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian V1 : Lain-Lain Operasi Kecemasan	TERHAD	
	Subjek : PASUKAN PENYELAM	No POS: 6.2
		Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	10 Januari 2007	Muka Surat: 7/10

7.2. SEMASA OPERASI

- 7.2.1. Komander Operasi / "Safety Officer" memastikan "Back Up Diver" bersedia dan berpakaian lengkap menyelam. Mampu bertindak dalam masa 60 saat semasa kecemasan untuk menjalankan operasi menyelamatkan anggota pasukan menyelam.
- 7.2.2. Kerja-kerja menyelam mesti menggunakan "Tender line" ataupun "Marker Buoy" mengikut keadaan.
- 7.2.3. Tali cawangan (*branch line*) mesti digunakan dan disambungkan di antara penyelam dengan "buddy".
- 7.2.4. Komander Operasi memantau dan menilai perjalanan operasi dan mengeluarkan arahan dari semasa ke semasa.
- 7.2.5. "Safety Officer" memantau aspek keselamatan keseluruhan operasi dan memaklumkan kepada Komander Operasi sebarang kecemasan ataupun prosidur operasi yang tidak dipatuhi.
- 7.2.6. "Primary Tender", "Back Up Tender" dan "Back Up Diver" perlu melaporkan sebarang kecemasan yang dihadapi oleh penyelam kepada "Safety Officer".
- 7.2.7. Penyelam yang telah menyelam perlu diberi rehat yang cukup dan suhu badan penyelam berada pada tahap yang normal (tidak sejuk) sebelum diarahkan turun menyelam semula. "Rujuk Dive Table".
- 7.2.8. Mangsa yang dijumpai diserahkan kepada polis dengan mengisi borang serah mangsa.

7.3 SELEPAS OPERASI

- 7.3.1. Setiap penyelam mesti melaporkan diri kepada Komander Operasi mengenai kesihatan diri dan mengisi Borang Pengakuan Selepas Menyelam dalam tempoh 2 jam selepas selesai menyelam. (sila rujuk lampiran 9)

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian V1 : Lain-Lain Operasi Kecemasan Subjek : PASUKAN PENYELAM	TERHAD	
	No POS: 6.2	
	Tarikh Pindaan:	
Tarikh Terbitan:	10 Januari 2007	Muka Surat: 8/10

- 7.3.2. Semua peralatan menyelam mesti dicuci dengan air tawar, dikeringkan, tidak didedahkan kepada matahari dan disimpan ditempat yang selamat serta pengudaraan yang baik. (**Sila rujuk lampiran 4 dan 5**)
- 7.3.3. Kerosakkan dan kehilangan peralatan semasa operasi perlu direkodkan di dalam Borang Kerosakan/ Kehilangan Peralatan dan laporan Polis dibuat dalam tempoh 24 jam. (**sila rujuk lampiran 10 dan 11**)
- 7.3.4. Setiap penyelam perlu mengisi Buku Log individu setiap kali selesai menyelam.
- 7.3.5. Komander Operasi hendaklah melakukan post mortem dan menyiapkan laporan dan diserahkan kepada Penolong Pengarah Operasi Negeri. (**Sila rujuk lampiran 12**)

8. ARAHAN KESELAMATAN DAN AMARAN

8.1 ARAHAN KESELAMATAN

- 8.1.1. Komander Operasi / Ketua Pasukan Penyelam / "*Safety Officer*" perlu memastikan setiap anggota atau orang awam yang berada di atas bot atau di dalam kawasan operasi perlu memakai jaket keselamatan (*Life Jacket*).
- 8.1.2. Komander Operasi perlu memastikan Sawar-sawar (*Bomba Line*) di pasang di kawasan operasi supaya tiada gangguan semasa operasi. (sekiranya perlu)
- 8.1.3. Semua penyelam perlu berhubung / berkomunikasi di antara satu sama lain setiap masa dan bersentuhan dalam keadaan seiringan semasa operasi.
- 8.1.4. Semua penyelam mesti memeriksa "*Pressure gauge*" setiap 5 ke 10 minit semasa menyelam (jika dapat dilihat).

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian VI : Lain-Lain Operasi Kecemasan	TERHAD
	No POS: 6.2
Subjek : PASUKAN PENYELAM	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan: 10 Januari 2007	Muka Surat: 9/10

- 8.1.5. Jika penyelam atau "buddy" hilang dari pandangan, ataupun tali tender terlucut, "Marker Buoy" terlucut atau "branch line" terlucut, penyelam dan "buddy" hendaklah naik ke permukaan dengan kadar segera.
- 8.1.6. Jika timbul sebarang masalah dalam air 'isyarat tali' hendaklah dihantar ke permukaan untuk mendapatkan bantuan. (sila lihat lampiran 13)
- 8.1.7. Jika kandungan udara dalam tabung dimana jarum menunjukkan di garisan 1000 p.s.i. (68 bar) penyelam hendaklah naik ke permukaan.
- 8.1.8. Penyelam tidak dibenarkan memulakan operasi jika kandungan udara dalam tabung kurang daripada 80% dari kandungan penuh tabung tersebut.
- 8.2. **AMARAN**
- 8.2.1. Tidak dibenarkan membuat penyelaman seorang diri tanpa kawalan dari "Tender" atau tanpa membuat "Safety Line" dan juga tanpa "Buddy".
- 8.2.2. Tidak dibenarkan menghisap rokok, meminum minuman keras atau mengambil ubat sebelum, semasa dan selepas menyelam.
- 8.2.3. Tidak dibenarkan menggunakan peralatan orang lain tanpa kebenaran "Safety Officer".
- 8.2.4. Penyelam dikehendaki memeriksa peralatan menyelam setiap kali mengambil tugas dan sebelum menjalankan operasi.
- 8.2.5. Penyelam tidak dibenarkan menyelam sekiranya tidak menjalani Latihan/operasi (rujuk *log dive*) menyelam dalam tempoh 2 bulan.
- 8.2.6. Had kedalaman yang dibenarkan bagi "Open Water Dive" ialah 24 meter (80 kaki) – rujuk dive table.
- 8.2.7. Pengarah Bomba negeri perlulah memastikan setiap anggota yang ditugaskan sebagai anggota pasukan penyelam membuat pemeriksaan kesihatan setiap tahun dan direkodkan dalam "Dive Log".

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

JBPM

PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS)

Bahagian V1 : Lain-Lain Operasi Kecemasan Subjek : PASUKAN PENYELAM	TERHAD	
	No POS: 6.2	
	Tarikh Pindaan:	
Tarikh Terbitan:	10 Januari 2007	Muka Surat: 10/10

8.2.8 Operasi mencari dan menyelamat tidak boleh melebihi 3 batu notika dari pantai.


8.2.9 Semua rekod penyelaman dan laporan Kemalangan perlu disimpan dengan baik dan kemas bagi tujuan rujukan.

9. MENYEDIAKAN LAPORAN

- 9.1. Laporan Awal - (dalam masa 1 jam semasa kejadian)
- 9.2. Laporan Moncut Merah - (3 jam selepas kejadian)
- 9.3. Laporan Lengkap - (2 minggu selepas kejadian)
(Sila rujuk Arahan Ketua Pengarah Bil. 1/99 – Tatacara Mengemukakan Laporan Moncut Merah)

10. TARIKH KUATKUASA

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai



(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)

Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

Tarikh: 10/1/07.

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

Pakaian Dan Aksesori Menyelam Anggota Pasukan Penyelam


Lampiran 1



SALINAN TERKAWAL

Peralatan Operasi Pasukan Penyelam


Lampiran 2




Bendera Alpha



Bendera "Diver's - Down"




Branch Line



Tender Line



Marker Buoy



Multi Purpose Reel

SALINAN TERKAWAL

Lampiran 3

**KOMPOSISI SATU PASUKAN PENYELAM
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Bil	Klasifikasi	Jumlah
1.	Ketua Penyelam	1
2.	Primary Diver	2
3.	Back Up Diver	2
4.	Tender	1
5.	Safety Officer	1
JUMLAH		7

SALINAN TERKAWAL



SALINAN TERKAWAL

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Lampiran 4

SENARAI SEMAK PERALATAN INDIVIDU PASUKAN PENYELAM

BIL	NAMA PERALATAN	PERALATAN DI AMBIL		PERALATAN DIPULANGKAN	
		KUANTITI	CATATAN	KUANTITI	CATATAN
1	MASK				
2	SNORKEL				
3	FINS				
4	WET SUIT				
5	GLOVE				
6	BOOTIES				
7	WEIGHT BELT				
8	BUOYANCY CONTROL DEVICE (BCD)				
9	REGULATOR & OCTOPUS				
10	COMPASS				
11	DIVE KNIFE				
12	TABUNG UDARA (Compress Air)				
13	DEPTH GAUGE & PRESSURE GAUGE		Buoy		
14	DIVE LOG				

Tandatangan Penerima

Tandatangan Penyerah

Disahkan Oleh

.....
Nama:
Jawatan:
Balai :
Tarikh :

.....
Nama:
Jawatan:
Balai :
Tarikh :

.....
Nama:
Jawatan:
Balai :
Tarikh :
Ketua Pasukan Penyelam

SALINAN TERKAWAL



SALINAN TERKAWAL

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Lampiran 5

SENARAI SEMAK PERALATAN OPERASI PASUKAN PENYELAM

BIL	NAMA PERALATAN	PERALATAN DI AMBIL		PERALATAN DIPULANGKAN	
		KUANTITI	CATATAN	KUANTITI	CATATAN
1	PEMBERAT / ANCHOR				
2	PELAMPONG / BUOY				
3	TOOL KIT				
4	FIRST AID KIT				
5	ALUMINIUM BOT / RUBBER DENGHY				
6	CANVAS				
7	LIGHTING SYSTEM				
8	AIR COMPRESSOR (Compress Air)				
9	TALI				
10	DIVE TABLE				
11	PAPAN KAWALAN				
12	TENDER LINE				
13	BRANCH LINE				
14	BENDERA ALPHA				
15	TABUNG UDARA				
16	MARKER BUOY				
17	MULTI PURPOSE REEL				

Tandatangan Penerima

Tandatangan Penyerah

Disahkan Oleh

.....
Nama:
Jawatan:
Balai :
Tarikh :

.....
Nama:
Jawatan:
Balai :
Tarikh :

.....
Nama:
Jawatan:
Balai :
Tarikh :
Ketua Pasukan Penyelam

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

Lampiran 6

(PELAN LOKASI OPERASI / LATIHAN)

Nama Penyelam:..... Nama Tender;..... Tarikh:..... Penglihatan:.....M
Lokasi:.....

Psi:..... Selam:..... Naik:..... Jumlah:..... Dac:..... Kedalaman:.....

Objek Dicari:..... Jumlah Pencarian:.....

Masa: Turun:..... Naik:..... Jumlah:..... Sac:..... Pernafasan/Min: 1.....2.....3.....4.....5.....

Aras:..... Keadaan:..... Tekanan Darah Penyelam : Sebelum:..... Selepas:..... Corak mencari:.....

Jumlah Jarak Pencarian:..... Jumlah Kawasan Pencarian:.....

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

Lampiran 7

PENGAKUAN SEBELUM MENYELAM

Nama Penyelam :

	Ya	Tidak
1. Mengambil minum minuman keras dalam tempoh 12 jam	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Adakah sukar untuk membuat "equalize"	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Adakah anda mengidap penyakit berikut :		
3.1 Sak Sakit Telinga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.2 Selsema	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.3 Sakit Kepala	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.4 Sengal-Sengal Sendi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.5 Bengkak Kaki	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Adakah anda mengambil ubatan Nyatakan:.....	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Penerbangan dalam tempoh 24 jam. Berapa jam sebelum, nyatakan :	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Adakah anda tidur secukupnya	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Nyatakan sakit - sakit lain.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
i.....		
ii.....		
iii.....		

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

Dengan ini saya..... No. K/P
mengesahkan mengenai kesihatan saya adalah dalam keadaan sihat dan baik.

Saya dengan ini mengaku bahawa jawapan-jawapan yang diberikan di atas adalah benar.

Tarikh :.....

.....
T/tangan Penyelam
Nama:.....
No. K.P:.....

Saksi / Buddy :

Tarikh :.....

.....
T/tangan Penyelam
Nama:.....
No. K.P:.....

SALINAN TERKAWAL

Lampiran 8

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
SENARAI SEMAK "SAFETY OFFICER" PASUKAN
PENYELAM**

Nama Penyelam :

Nama "*Buddy*" :

- | | YA | TIDAK |
|--|--------------------------|--------------------------|
| 1 Adakah injab tabung udara di dalam kedudukan terbuka ("ON") | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2 Adakah " <i>Hood</i> " dipakai dengan betul (jika ada) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3 " <i>Mask</i> " dan sarung tangan dipakai dengan betul | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4 Jalankan ujian berikut: | | |
| 4.1 " <i>Sistem Regulator</i> " (Hembus 3 kali dan bercakap sekurang-kurangnya 3 perkataan) Cth. OK,OK,OK | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4.2. " <i>Octopus Regulator</i> " (Hembus 3 kali dan bercakap sekurang - kurangnya 3 perkataan.) Cth. OK,OK,OK | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5 Tekan BC Inflator 3 kali. Lakukan pemeriksaan terhadap tolok tekanan dan semua penyambungan hose. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6 Adakah " <i>hose dry suit</i> " di buka dan berfungsi. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7 Tunjukkan kedudukan pisau,gunting dan tali pinggang pemberat tanpa melihat | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 8 Tunjukkan cara menanggalkan tali pinggang pemberat semasa dalam kecemasan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 9 Lakukan pemeriksaan visual terhadap peralatan berikut : | | |
| 9.1 " <i>Fin</i> ", " <i>Ankle weight</i> " dan " <i>Marker Buoy</i> " | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 10 Tahu prosedur berikut: | | |
| 10.1. Sekiranya " <i>buddy</i> " hilang atau " <i>Tender Line</i> " lucut sebut perkataan "Ascent Both" 3 kali | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 11 Kandungan tabung : Penyelam PSI/Bar.....
" <i>Buddy</i> " PSI/Bar..... | | |

.....
T/Tangan "Safety Officer"

Pangkat>Nama :

Masa :

Tarikh :

SALINAN TERKAWAL



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

PENGAKUAN SELEPAS MENYELAM

- 1. Nama Penyelam :
- 2. Tarikh :
- 3. Masa :
- 4. Latihan / Operasi
- 5. Nama "Buddy" :
- 6. Kawasan Latihan:
- 7. Kedalaman Air:
- 8. Tempoh/Jangkamasa Menyelam:
- 9. Jenis air: masin / tawar / payau / kelat *

10. Adakah anda mengalami keadaan seperti berikut:-

	Ya	Tidak
10.1. Pening Kepala	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.2. Loya	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.3. Kebas Anggota Badan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.4. Sukar Bernafas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.5. Sakit Telinga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.6. Penglihatan Kabur	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.7. Bahagian Lain-Lain Badan Sakit Nyatakan :	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.8. Adakah Anda Muntah Bila:	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.9. Tidak Boleh Menelan Air Liur	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SALINAN TERKAWAL

11. KEADAAN PANCA INDERA

	Baik	Masalah
11.1. Bau	<input type="text"/>	<input type="text"/>
11.2. Sentuhan	<input type="text"/>	<input type="text"/>
11.3. Penglihatan	<input type="text"/>	<input type="text"/>
11.4. Pendengaran	<input type="text"/>	<input type="text"/>
11.5. Suhu Badan	<input type="text"/>	<input type="text"/>

Saya dengan ini mengaku bahawa jawapan-jawapan yang diberikan di atas adalah benar.

Tarikh :.....

.....
T/tangan Penyelam
Nama:.....
No. K.P:.....

Saksi / *Buddy* :

Tarikh :.....

.....
T/tangan Penyelam
Nama:.....
No. K.P:.....

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

Lampiran 11

Borang Penyerahan Peralatan Scuba

.....
.....
.....
.....
.....

Tuan,

PENYERAHAN PERALATAN UNTUK PEMBAIKAN

Bersama-sama ini diserahkan peralatan-peralatan yang disenaraikan untuk pembaikan.

BIL	PERALATAN	KUANTITI	ANGGARAN KOS (RM)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			

.....
T/tangan Pegawai Penyerah

.....
T/tangan Pegawai Penerima

Nama:.....

Nama:.....

Tarikh:.....

Tarikh:.....

Masa:.....

Masa:.....

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL



Lampiran 12

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

Laporan Kemalangan Di Air / Mati Lemas / Banjir

No. Laporan :.....

1. Perihal.

- 1.1 Jenis Kemalangan / Kejadian :.....
- 1.2 Tarikh :
- 1.3 Masa :
- 1.4 Alamat :
-
-

2. Panggilan.

- 2.1 Nama Pemanggil:
- 2.2 No. Telefon :
- 2.3 Masa Terima Panggilan:

3. Operasi.

- 3.1 Komander Operasi:
- 3.2 Ketua Pasukan Menyelam:
- 3.3 Nama Penyelam / Tender

Bil	Nama Penyelam / Tender	Balai	Catatan

SALINAN TERKAWAL

4. Tempat Kejadian

4.1 Lokasi : Laut: Sungai: Parit: Tasik:
Kolam: Muara: Lombong: Lain-lain:

4.2 Jenis Air : Masin: Payau: Kelat: Tawar: Lain-lain:

4.3 Keadaan Air : Tenang: Beralun: Berombak:
Mengalir: Kotor / Sampah:

4.4 Kejernihan Air: Jernih : Keruh: Berkeladak:

4.5 Kedalaman Air:..... Meter

4.6 Keadaan Dasar: Pasir: Lumpur: Batu :
Lumpur/Pasir: Tanah Liat:

Kayu : Lain-lain:

4.7 Arus : Deras/Sederhana/Tenang

Angin: Tenang: Ribut: Bayu: Lain-lain:

4.8 Suhu air :

4.9 Cuaca :

SALINAN TERKAWAL

SALINAN TERKAWAL

5. Perihal Mangsa

Bil	Nama	Jantina	Umur	Bangsa

5.1 Keadaan Mangsa Dijumpai

- i. Tertiarap Di dasar :
- ii. Terlentang Di dasar :
- iii. Timbul Tertiarap :
- iv. Timbul Terlentang :
- v. Lain-lain Keadaan :

6. Kesan Pada Mangsa

Bil	Nama	Mulut Berdarah		Telinga Berdarah		Hidung Berdarah		Lain – Lain
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	

6.1 Punca Kejadian

SALINAN TERKAWAL

6.2 Punca Kematian Dipercayai

7. Bantuan Agensi Lain

Bil	Agensi	Tugas Semasa Insiden

8. Laporan Ringkas Mengenai Operasi

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh :

.....

Komander Operasi



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

ISYARAT MENGGUNAKAN TALI

1. Tender Kepada Penyelam

Kod Tarikan	Maksud
1	O.K, berhenti, penyelam mengadap tali dan tegangkan tali
3	Ke kanan penyelam
4	Ke kiri penyelam
2+2	Cari dengan segera di kawasan ini
3+3	Bersedia untuk naik ke atas (timbul)
4+4	Naik dengan perlahan-lahan (timbul)
5	Ulang isyarat
6	Tali dilepaskan lagi

2. Penyelam Kepada Tender

Kod Tarikan	Maksud
1	Penyelam dalam keadaan baik. (O.K)
2	Tender buat catitan ada objek/halangan
2+2+2	Penyelam sangkut tetapi dalam keadaan baik, perlu sokongan dari penyelam bantuan bila-bila masa.
3+3+3	Penyelam dalam keadaan baik, tetapi perlu bantuan dari penyelam sokongan.
4+4+4	Penyelam perlu bantuan dengan segera
6+6+6	Jumpa objek yang dicari
5	Ulang isyarat
6	Tali dilepaskan lagi

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Lampiran 10

Laporan Kerosakan / Kehilangan Peralatan Menyelamat Di Air

1. Nama Peminjam:.....
2. Balai / Bahagian:.....
3. Tarikh:.....
4. Masa:.....
5. Operasi / Latihan:.....
6. Lokasi / Alamat:.....
.....
.....
.....

Bil	Peralatan rosak/hilang	Sebab rosak/hilang	Catatan
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			

.....
**Tandatangan Penyelam /
Pelapor**

.....
**Tandatangan Ketua Pasukan Penyelam
Tarikh :**

SALINAN TERKAWAL